

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 16.5.2016**

**SOALAN :**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah statistik dan jenis buli dan masalah disiplin di sekolah rendah dan menengah sejak 2013 dan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani masalah ini supaya kejayaan pelajar dan nama baik sekolah tidak terjejas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu buli yang melibatkan disiplin murid secara keseluruhannya berada dalam situasi yang terkawal. Statistik kes buli yang direkodkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2013 ialah pada kadar 0.08 peratus. Manakala pada tahun 2014 dan 2015, kes buli masing-masing direkodkan sebanyak 0.06 peratus. Dalam tempoh tiga (3) tahun (2013-2015) statistik salah laku buli ialah pada kadar purata 0.06 peratus. Kes-kes buli yang disebutkan termasuklah buli fizikal, buli emosi, buli isyarat dan buli perhubungan.

KPM telah mengambil inisiatif mengedarkan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah untuk memberi kefahaman serta kesedaran kepada warga sekolah tentang perlakuan buli dan kesannya. Melalui buku tersebut, warga sekolah memahami serta menghayati peranan dan fungsi masing-masing dalam pelaksanaan strategi dan tindakan di peringkat sekolah untuk mengatasi gejala buli.

KPM turut memberi penegasan kepada setiap sekolah untuk mematuhi garis panduan mencegah dan menangani perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah melalui surat pekeliling dan surat siaran seperti berikut :

1. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2010 “Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah” bertarikh 29 Julai 2010.
2. Surat Siaran KP (BS-SPPK) 601/1 (16) “Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng dalam Kalangan Murid” bertarikh 11 Mac 2009.
3. Surat Siaran KP (BPSH-SPKD) 601 / 01 Jld.11(16) “Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah” bertarikh 11 November 2011.

KPM juga menyediakan garis panduan menangani buli melalui pembudayaan amalan penyayang dalam kalangan murid di sekolah dan asrama dengan objektifnya agar murid-murid menterjemahkan sikap penyayang dan saling hormat menghormati sebagai budaya dalam perhubungan harian murid di sekolah dan asrama.